KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

14 DISEMBER 2022

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
14 DISEMBER 2022

HALAMAN:
1

ONLINE

Utusan X
Berita Harian
Metro
Kosmo!
Sinar
Star
New Straits Times
南洋商報
東方日報
Utusan Borneo
The Borneo Post
New Sabah Times

Penjawat awam empat kementerian distruktur semula

Oleh ASLINDA NASIR
aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan dijangka melakukan penstrukturan semula penjawat awam termasuk kakitangan kontrak melibatkan pegawai tinggi bermula hujung bulan ini.

Sumber kerajaan memberitahu *Utusan Malaysia*, ia melibatkan ratusan kakitangan di empat kementerian yang digabungkan susulan pengumuman barisan Kabinet oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Empat kementerian tersebut adalah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB); Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP); Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

Bersambung di muka 3

Penjawat awam empat kementerian distruktur semula

Dari muka 1

Kementerian Wilayah Persekutuan dan KPLB kini digabungkan menjadi Kementerian Pembangunan Desa dan Wilayah, diletakkan di bawah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Begitu juga KeTSA dan KASA yang digabungkan menjadi Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, menterinya Nik Nazmi Nik Ahmad.

Bagaimanapun menurut sumber, pihaknya belum mendapat sebarang notis dan menunggu makluman terbaharu daripada Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Zuki Ali.

"Tindakan ini akan melibatkan ratusan kakitangan kerajaan, yang berjawatan tetap akan dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), yang berstatus kontrak difahamkan akan berakhir pada bulan ini, mereka akan menerima gaji terakhir pada akhir Disember ini.

"Ini sebagai langkah menjimatkan kos, tetapi hakikatnya akan lebih banyak kos yang perlu dibuat kerana selepas ini ia akan melibatkan perubahan nama papan tanda di kementerian melibatkan nilai setengah juta ringgit, tukar kepala surat, cop kementerian, kad nama, banyak benda teknikal yang perlu diubah semula," katanya ketika dihubungi semalam.

Malah jelas sumber, penstrukturan semula turut melibatkan kakitangan kerajaan daripada skim program Malaysia Short-term Employment Programme (MySTEP).

"Mereka adalah golongan belia yang tiada elaun, hanya ada gaji asas anggaran RM2,000 setiap orang, mana golongan belia ini nak pergi?", soalnya.

Kelmarin, kerajaan mengumumkan perkhidmatan Datuk Seri Mohd. Shafiq Abdullah sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) ditamatkan berkuat kuasa 12 Disember.

Mohd. Zuki berkata, penamatan itu dibuat selepas melalui semua prosedur Penamatan Demi Kepentingan Awam (PDKA) dan diteliti Peguam Negara.

Pengumuman itu memberitahu penamatan Mohd. Shafiq sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred Utama Turus 1 (Memangku) demi kepentingan awam di bawah peraturan yang disebutkan.

Mohd. Shafiq dilantik memegang jawatan itu pada 10 Februari lalu menggantikan Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman yang bersara wajib pada 16 Jan 2022.

Anwar mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-10 pada 24 November lalu selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong melalui Perbincangan Khas Raja-Raja Melayu di Istana Negara.

Anwar meletakkan komitmen berhubung pembentukan Kabinet di bawah pimpinan beliau adalah bersaiz kecil iaitu tidak dianggota jemaah menteri yang ramai.

TARIKH:
14 DISEMBER 2022

HALAMAN:
20

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☒
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

TVET penuhi keperluan industri

*JPK anjur Karnival Masuk Institut Latihan Kemahiran Secara Maya 2022 catat **42,395** pengunjung*

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) terbukti mampu menghasilkan tenaga kerja mahir yang memenuhi keperluan pihak industri.

Menjelang 2030, TVET dijangka mampu melahirkan sebanyak 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Justeru, dalam usaha menyemai kesedaran TVET dalam kalangan masyarakat Malaysia dan menjadikan bidang itu sebagai pilihan utama alam kerjaya, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) menganjurkan Karnival Masuk Institut Latihan Kemahiran Secara Maya 2022.

Dengan slogan Jom Pilih Kemahiran, karnival ini bertepatan dengan teras Strategik keenam di dalam Kerangka Blueprint Pembangunan Modal Insan Berkemahiran Memperkasakan Modal Insan Melalui TVET Dipacu Industri 2021-2025 yang menggariskan untuk menyebar luas kesedaran TVET dalam kalangan masyarakat.

Berlangsung selama lima hari bermula 26 hingga 30 September lalu, karnival ini berjaya mencatatkan seramai 42,395 pengunjung maya.

Bukan itu saja, karnival ini juga berjaya menghimpunkan lebih 75 institut latihan kemahiran awam dan swasta yang menyediakan pelbagai informasi peluang latihan kemahiran kepada pengunjung.

Di samping itu, memeriahkan lagi karnival yang diadakan secara maya ini, pelbagai aktiviti dianjurkan melalui platform, jompilihkemahiran2022.dsd.gov.my secara interaktif yang berbentuk pengetahuan, inovasi dan teknologi.

Sesi webinar membabitkan 13 penceramah dari pelbagai agensi awam dan swasta antaranya Jabatan Pembangunan Kemahiran, Jabatan Tenaga Manusia, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia Kementerian Belia dan Sukan (KBS), JPPKK, Kolej Vokasional, Majlis Amanah Rakyat (MARA), GIATMARA, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), PTPK dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) turut diadakan.

Selain itu, menariknya, Pertandingan *e-Sport* Sistem Kawalan Drone yang julung kali diadakan tahun ini berjaya mencatatkan penyertaan seramai 100 penyertaan.

Sebanyak 20 pasukan menyertai Pertandingan Debat Kemahiran Negara yang membabitkan golongan belia mengupas isu semasa TVET dan Latihan Kemahiran.

Melalui penganjuran karnival seperti ini, ia dilihat akan dapat mengarusperdanakan lagi bidang TVET di dalam negara khususnya dalam melahirkan tenaga kerja mahir negara.




SESI webinar membabitkan 13 penceramah dari pelbagai agensi awam dan swasta antaranya Jabatan Pembangunan Kemahiran, Jabatan Tenaga Manusia, CIAST, Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia KBS, JPPKK, Kolej Vokasional, MARA, GIATMARA, CIDB, PTPK dan Perkeso turut diadakan.

20 pasukan menyertai Pertandingan Debat Kemahiran Negara



ANTARA reruai maya dari 75 institut latihan kemahiran awam dan swasta.



PERTANDINGAN *e-Sport* Sistem Kawalan Drone yang julung kali diadakan tahun ini berjaya mencatatkan penyertaan seramai 100 penyertaan.